KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	08.02.22	MUKA SURAT	:	24
JABATAN	:	SEDA			

KeTSA tarik potensi pelaburan RM5.8b

Kuala Lumpur: Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) berjaya menarik potensi pelaburan dengan anggaran nilai RM5.8 bilion menerusi minggu ke-18 Ekspo 2020 Dubai di Emiriah Arab Bersatu yang berlangsung dari 30 Januari hingga kelmarin.

KeTSA dalam kenyataan memaklumkan daripada jumlah itu, potensi pelaburan bernilai RM4.22 bilion adalah menerusi dua Memorandum Persefahaman (MoU) yang dimeterai antara syarikat Gading Kencana Sdn Bhd dan syarikat March Global LLC dari Arab Saudi.

"MoU ini untuk pembangunan projek solar berskala besar di Timur Tengah, Afrika dan rantau Asia yang dijangka akan menjana pelaburan bernilai RM4.2 bilion.

"MoU antara syarikat Concord Renewable Energy Sdn Bhd dengan Innio Jenbacher GMBH & CO OG dari Jerman akan membekalkan teknologi serta peralatan bagi pembangunan penjanaan loji jana kuasa biogas dijangka membabitkan pelaburan bernilai RM20 juta," menurutnya.

Selain itu, RM1.6 bilion diperoleh melalui 57 sesi padanan perniagaan antara syarikat tempatan yang menyertai delegasi KeTSA dengan syarikat asing yang turut menghadiri ekspo berkenaan.

Minggu ke-18 ekspo itu juga menyaksikan Concord Renewable Energy Sdn Bhd melancarkan *Concord Biogas Cube Scrubber System* yang menjadi produk bagi penjanaan tenaga daripada sumber biogas yang direka serta dihasilkan melalui inisiatif penyelidikan dan pembangunan syarikat itu, berpotensi untuk diperluaskan ke negara-negara lain.